

Bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 September 2016 jumlah hasil kutipan GST yang direkodkan telah dibayar oleh syarikat telekomunikasi kepada JKDM adalah dianggarkan berjumlah RM480 juta.

Pihak Kerajaan akan terus menjalankan kajian impak sosial terhadap tahap kepuasan rakyat khususnya para pengguna prabayar dan Kerajaan turut komited untuk memastikan supaya sistem percukaian GST ini lebih efektif, efisyen, telus, mesra pengguna dan sekaligus berkemampuan menjana suatu hasil yang stabil serta tidak membebankan rakyat khususnya golongan pengguna yang berpendapatan rendah dan pertengahan. Sebelum ini Kerajaan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan memberikan rebat GST kepada para pengguna prabayar. Mekanisme ini akan aktif dan terpakai sehinggalah tempoh rebat GST tamat dan jumlah keseluruhan diketahui.

**SOALAN ( 19 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG  
[ALOR GAJAH]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pemasangan kamera litar (CCTV) di seluruh negara dan pencapaian menurunkan kes jenayah sebelum dan selepas pemasangan CCTV dan langkah drastik yang akan dijalankan oleh Kementerian untuk menyalarkan isu yang timbul daripada CCTV seperti yang dinyatakan agar matlamat Kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah tercapai.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun melaksanakan Projek pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) di bawah program Bandar Selamat yang merupakan salah satu daripada inisiatif mengurangkan jenayah jalanan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), *National Key Result Area (NKRA)* Mengurangkan Jenayah. Mengikut laporan yang terkandung di dalam Laporan GTP tahun 2015, jenayah dilaporkan telah menurun sehingga 45% dari tahun 2010 hingga 2015. Peneraju bagi program ini adalah pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN). Projek pemasangan ini melibatkan pemasangan 496 CCTV, di 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara.

Lokasi pemasangan CCTV seluruh negara ini ditentukan oleh pihak KDN berdasarkan kepada rekod jenayah yang dicatatkan di sesuatu kawasan *hot spot*. Disamping CCTV yang dipasang oleh KPKT, beberapa PBT di seluruh negara juga telah memasang sendiri CCTV. Sehingga 1 Oktober 2016, terdapat sebanyak 3,728 CCTV telah dipasang di 54 PBT di seluruh negara.

Secara amnya, pemasangan CCTV telah berkesan di dalam mengurangkan jenayah dan meningkatkan tahap keselamatan bandar. Pengurangan jenayah ini adalah antara lain sebahagian kesan program pemasangan CCTV disamping langkah-langkah lain seperti rondaan pihak polis, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penyediaan cermin keselamatan, penyediaan penggera keselamatan, serta pencahayaan di tempat awam berdasarkan inisiatif seperti yang terkandung di dalam

**Program GTP yang dilancarkan YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2010 yang lalu.**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**November 2016**